

CNS7428

U'GB 30-03 00201 BH544

bah

PENENTUAN PELEPASAN CUKAI BURAN HAK KERAJAAN KELANTAN, KATA PM Mahathir - Kelantan

ALOR SETAR, 30 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad- hari' ini berkata bahawa hanya kerajaan pusat berhak menentukan sama ada kereta Lamborghini Diablo yang dibeli oleh Sultan Kelantan baru-baru ini, layak diberi pengecualian cukai atau tidak.

Ketika diminta mengulas isu Sultan Kelantan membawa keluar kereta mewah itu dari Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tanpa membayar duti importnya bernilai \$2.1 juta, minggu lepas, Perdana Menteri berkata: +. ..ini bukan hak kerajaan negeri tetapi hanya kerajaan pusat boleh memutuskan sama ada cukai boleh dikecualikan. +

Dr Mahathir berkata perkaratersebut sepatutnya tidak menjadi heboh sekiranya kerajaan Kelantan tidak mempertahankan perbuatan Sultan itu.

+Tetapi malangnya kerajaan Kelantan telah cuba mempertahankan sesuatu yang tidak betul dengan berkata kononnya kerajaan Kelantan membenarkan raja membeli seberapa banyak kereta (mewah) yang disukainya, + katanya kepada pemberita setibanya dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini, petang ini.

Beliau dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali pulang ke sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Kampung Bukit Tinggi, Kepala Batas, di sini. -- Lagi

▼30/03/20-01MST

CNS7430

U GB 30-03 00140 BH545

bah

Mahathir - Kelantan 2 Alor Setar

Dr Mahathir berkata pendirian kerajaan Kelantan itulah yang membuat perkara itu menjadi heboh.

Katanya itu menjadi lebih heboh apabila baginda membuat kenyataan baru-baru ini, yang mungkin dibuatnya atas nasihat kerajaan negeri, kononnya tidak ada tatacara perilaku yang mengikat Raja-raja Melayu kecuali etika perilaku Al-Quran dan sunnah.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, sekiranya nasihat kerajaan Kelantan kepada rajanya betul bahawa etika perilaku bagi raja-raja hanya etika Al-Quran, +ini terang-terang menunjukkan raja tidak mengikut etika. +

Beliau menjelaskan bahawa kerana itulah pihak akhbar terpaksa mengulas mengenai perkara itu dan ia diperpanjangkan apabila akhbar terpaksa mempertahankan dirinya setelah dikecam.

Apabila ditanya sama ada isu tersebut telah menjatuhkan martabat Raja-raja Melayu, Dr Mahathir berkata: +Kalau raja yang pecah (melanggar) undang-undang dengan sendirinya (raja) jatuh martabat. + -- Lagi

▼30/03/20-01MST

CNS7434

U GB 30-03 00173, BH546

bah

Mahathir - Kelantan '3 Alor Setar

Beliau berkata peraturan-peraturan yang ada mengenainya adalah jelas dan apa yang dilakukan oleh kerajaan pusat berhubung isu Sultan Kelantan adalah mengikut peruntukan undang-undang yang ada.

+Kalau satu kereta tak dibayar cukai, itu adalah satu kesalahan dan tindakan yang boleh diambil ialah menahan kereta itu,+ katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak pastisamaada kerajaan pusat akan dapat mengambil semula kereta itu daripada Sultan Kelantan sekiranya baginda terus enggan memulangkan atau membayar cukainya tetapi beliau berkata, isu tersebut hanya boleh diselesaikan dengan cara membayar cukai bagi kereta itu.

Mengenai tawaran peruntukan saham khas Proton kepada Sultan Kelantan, Perdana Menteri berkata, tiada dasar kerajaan untuk menawarkan saham kepada raja-raja.

+Bagaimanapun, kerana adaraja-raja yang meminta dan kita berpendapat kalau nak beri, patut diberi kepada semua raja-raja, sebab itu, walaupun Sultan Kelantan tidak memintanya tetapi baginda ditawarkan juga. Itu menunjukkan keadilan kerajaan yang tidak memilihsamaada raja itu menyokong kerajaan atau pun tidak,+ kata beliau. -- Lagi

▼30/03/20-08MST

C N S 7 4 3 6

U GB 30-03 00201 BH547

b a h

Mahathir - Kelantan 4 (Akhir) Alor Setar

Mengenai kenyataan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Omar baru-baru ini bahawa Jabatan Kehakiman bercadang menubuhkan sebah mahkamah rayuan di peringkat Mahkamah Tinggi bagi mengatasi masalah kes rayuan yang banyak dikemukakan di Mahkamah Agung, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mempertimbangkan samaada cadangan itu dapat mempercepatkan proses perbicaraan di mahkamah.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah, yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan, Timbalan Menteri (BAKTI), menyampaikan cek bernilai \$2,000 setiap satu kepada isteri Menteri Besar Perlis, Puan Ilham Hamid dan Timbalan Pengarah Kebajikan Negeri Kedah, Encik Abdul Rashid Ismail untuk mangsa-mangsa kebakaran di Kuala Perlis dan mangsa ribut di daerah Kubang Pasu baru-baruini.

Pada majlis itu, yang diadakan di kediamannya di Titi Gajah di sini, Dr Siti Hasmah juga menyampaikan sumbangan berupa pakaian, beras dan susu untuk penduduk fakir miskin di kawasan Kuala Nerang.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff dan Menteri Besar Perlis, Dr Abdul Hamid Pawanteh.

Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah turut melawat dan membeli-belah di kompleks perniagaan Pekan Rabu di sini. -- Bernama

▼30/03/20-09MST